

**BANGSA MELAYU, KRISIS ILMU DAN
REVOLUSI PENDIDIKAN ISLAM
SEBAGAI JALAN PENCERAHAN**
*(THE MALAY NATION, THE CRISIS OF
KNOWLEDGE AND THE REVOLUTION OF ISLAMIC
EDUCATION AS A WAY OF ENLIGHTENMENT)*

Abdul Razak Ahmad
Binjai 8 Premium SOHO, Lorong Binjai
50450 Kuala Lumpur

Email: info@baitalamanah.com

(Dihantar: 5 Oktober 2021; Diterima: 4 Disember 2021)

Abstrak

Perbincangan ini bertujuan untuk mengkaji krisis ilmu yang dihadapi oleh bangsa Melayu dan bagaimanakah sistem pendidikan Islam boleh menjadi lonjakan bagi mengatasinya. Objektif utama kajian ini ialah untuk menegaskan bahawa krisis sebenar yang mendepani bangsa Melayu di Malaysia adalah krisis ilmu atau 'the crisis of knowledge' dan bukannya identiti mahupun kesusutan kuasa politik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan rujukan sumber 'secondary' secara komprehensif. Ia di nilai tambah melalui pemerhatian dan kajian kes tertentu. Penemuan utama kajian ini ialah betapa potensi pendidikan Islam di negara ini sangat kurang terbangun. Justeru jika institusi pendidikan Islam di Malaysia direkayasa dan diberikan wajah baharu, maka krisis ilmu di kalangan bangsa Melayu akan dapat di atasi walaupun secara tidak menyeluruh. Kajian ini memberi pandangan alternatif kepada kepercayaan bahawa kedudukan, maruah dan pengaruh bangsa Melayu sebagai bangsa teras akan terancam jika kedudukan politik dan identiti bangsa Melayu itu terhakis. Sebaliknya, ancaman paling besar kepada survival, kedudukan dan kebolehsaingan bangsa Melayu ialah krisis ilmu yang dihadapinya. Tanpa tradisi dan pembudayaan ilmu, kekuatan intelektual bangsa Melayu akan terencat dan pembangunan bangsa akan menjadi kurang progresif. Justeru, sebagai jalan pencerahan kepada Bangsa Melayu, kajian ini menegaskan bahawa revolusi Pendidikan Islam di negara perlu dilakukan dengan sistematik dan radikal sekali gus keluar daripada zon selesa dan pendekatan yang bersifat romantisme. Revolusi ini melibatkan beberapa perubahan paradigma seperti pindaan perlembagaan, pemugaran visi, pengadaptasian dan kemajuan teknologi, pemerksaan guru,

pengaplikasian pedagogi moden dan pembangunan sistem pendidikan Islam berdasarkan model kompetensi.

Kata kunci: Bangsa Melayu, Krisis Ilmu, Menyantuni Ilmu, Sistem Pendidikan Islam

Abstrak

This discussion aims to examine the knowledge crisis faced by the Malays and how the Islamic education system can be the thrust to overcome it. The main objective of this study is to assert the premise that the real crisis facing the Malays in Malaysia is a crisis of knowledge or 'the crisis of knowledge'. Not identity or the decline of political power. This research employs qualitative methods with comprehensive secondary source references. It is also scrupulously complemented by specific case studies and observations. The main findings of this study explicates how the potential of Islamic education in this country is so underdeveloped. Thus if Islamic educational institutions in Malaysia are re-engineered and given a new face, then the crisis of knowledge among the Malays could be overcome even if not in entirety. This research provides an alternative view to the belief that position, dignity and influence of the Malay race as the core race in the country will be threatened if the political position and identity of the Malays is eroded. On the other hand, the real and greatest threat to the Malays' survival, position and competitiveness is the crisis of knowledge it faces. Without nurturing knowledge as their culture, the intellectual capital and strength of the Malay nation will be stunted and the development of the nation will regress. Thus, as a path of enlightenment to the Malays, this study accentuates that a radical and systematic revolution in Islamic Education in the country is needed to inevitably escape the current comfort zone and romanticism in learning. This revolution involves some paradigm changes such as constitutional amendments, restoring perspective, adaptation and advancement of technology, educator empowerment, application of modern pedagogy and the development of the Islamic education system based on a model of competency.

Kata kunci: The Malay, Crisis of Knowledge, Nurturing Knowledge, , Islamic Education System

1.0 Pengenalan

Pembangunan negara berkait rapat dengan pendidikan serta tradisi dan kemajuan intelektual. Sumbangan pendidikan yang dipelopori oleh kumpulan intelektual menyinari obor perjuangan kemerdekaan sehinggalah proses pengisian kemerdekaan yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas merdeka dan bernaung. Semasa era penjajahan, dasar Inggeris adalah berat sebelah dalam memberi penekanan kepada pendidikan orang Melayu. Pendidikan untuk rata-rata orang Melayu hanyalah sekadar kemahiran paling asas, iaitu boleh membaca, menulis dan mengira. Inggeris dengan sengaja mahu orang Melayu hanya berpendidikan rendah dan dengan itu, mereka boleh kekal di kampung untuk menanam padi sebagai sumber makanan utama ketika itu.¹ Inggeris bimbang jika orang Melayu menjadi orang cerdik pandai dan ramai yang berhijrah ke bandar, siapa yang akan kekal di kampung dan bercucuk tanam?

Kemunculan elit Melayu yang mendapat pendidikan tinggi di dalam dan luar negara telah membawa satu pemikiran baharu untuk mengkritik kejelikan dasar Inggeris sekali gus menentang penjajahan. Perjuangan membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajahan ditandai oleh beberapa gerakan massa khususnya gerakan golongan intelektual. Tokoh-tokoh seperti Burhanuddin Al-Helmi, Harun Aminurrashid, Mohd Eunus Abdullah dan Ishak Haji Muhammad adalah antara figura berpendidikan tinggi yang menjadi pelopor kepada kebangkitan nasionalisme menentang penjajahan melalui aktiviti berpersatuan dan penyebaran pemikiran yang

¹ Ibrahim Saad (1986), Politik dan Pendidikan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dimuatkan dalam penulisan di akhbar. Mereka juga percaya bahawa krisis penjajahan hanya boleh diatasi melalui pendidikan dan kesedaran yang terhasil daripada proses didikan di sekolah dan institusi keilmuan ketika itu.

Perbincangan ini akan memberikan fokus kepada satu hujah penting, iaitu krisis sebenar yang mendepani bangsa Melayu di Malaysia ialah krisis ilmu atau 'the crisis of knowledge' dan bukannya krisis identiti mahupun kesusutan kuasa politik. Sebagai sebahagian usaha mengatasi krisis ini dan seiring dengan realiti bangsa Melayu di Malaysia yang rata-rata berpegang kepada ajaran Islam, maka institusi pendidikan Islam di Malaysia perlu direkayasa dan diberikan wajah baharu. Hujah ini dikemukakan untuk memberi pandangan alternatif kepada kepercayaan bahawa kedudukan, maruah dan pengaruh bangsa Melayu sebagai bangsa teras akan terancam jika kedudukan politik dan identiti bangsa Melayu itu terhakis. Sebaliknya, ancaman paling besar kepada survival, kedudukan dan kebolehsaingan bangsa Melayu ialah krisis ilmu yang dihadapinya. Tanpa tradisi dan pembudayaan ilmu, kekuatan intelektual bangsa Melayu akan terencat dan pembangunan bangsa akan menjadi kurang progresif.

2.0 Krisis Pemikiran dan Ilmu Bangsa Melayu

Penyertaan bangsa Melayu dalam bidang pendidikan telah menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan. Pelbagai petunjuk telah membuktikan bahawa mobiliti sosial dalam kalangan bangsa Melayu adalah signifikan selari dengan

pelaburan besar kerajaan untuk sektor pendidikan.² Pada masa sama, pendidikan akan terus menjadi cabaran paling getir kepada bangsa Melayu dan orang Islam dalam kurun ke-21 kerana pendidikan adalah satu-satunya instrumen yang boleh melestarikan kebolehsaingan dan kemandirian bangsa. Ini bukan cabaran yang baharu. Ia telah lama menjadi fokus kepada pemerintah mahupun pergerakan politik Melayu Islam semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan setelah tertubuhnya Malaysia pada 1963. Penubuhan Majlis Amanah Rakyat atau MARA, pengenalan sekolah berasrama penuh (SBP) di bawah Kementerian Pendidikan, penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta pelaksanaan dasar matrikulasi kesemuanya adalah dasar afirmatif oleh kerajaan untuk memperkasakan bangsa Melayu dengan ilmu pengetahuan. Kejayaan melahirkan golongan menengah Melayu yang besar adalah natijah daripada keberkesanan dasar-dasar tersebut di atas.

Namun pencapaian bangsa Melayu dalam pendidikan jauh daripada memadai. Malah kejayaan mengeluarkan graduan Melayu yang ramai dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bukan bermakna kita telah berjaya mengatasi krisis ilmu dan pemikiran dalam kalangan bangsa Melayu. Hakikatnya, Bangsa Melayu mesti meningkatkan pembudayaan dan tradisi pengetahuan dalam masyarakatnya. Lebih-lebih lagi, bangsa Melayu masih lagi gagal mendahului persaingan dan secara berterusan mengharapkan segala bentuk intervensi kerajaan dalam sektor pendidikan dan

² Lihat, Climbing the Ladder: Socio-economic Mobility in Malaysia, Khazanah Research Institute October 2016 available at http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/SM_English.pdf.

pelbagai sektor lain. Pendek kata, kebergantungan kepada kerajaan adalah isyarat jelas mengenai krisis pemikiran dan ilmu bangsa Melayu.

Lebih memburukkan keadaan apabila pendidikan menjadi bahan dagangan atau komoditi oleh pelbagai parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu yang menggunakan sentimen hak dan kedudukan istimewa bangsa Melayu sebagai perisai untuk memenangi persaingan. Penggunaan sentimen Melayu dan Islam sudah semakin ketara, lebih-lebih lagi apabila digunakan dengan alasan mengupayakan bangsa Melayu. Apa yang jelas, tiada jalan lain untuk bersaing dan berjaya dalam era 'the age of disruption' ini kecuali dengan memberi daya terhadap potensi setiap orang dengan ilmu, kemahiran dan teknologi.

Krisis pemikiran dan kemunduran bangsa Melayu telah lama dikaji. Beberapa pandangan telah dikemukakan dalam bentuk penulisan dan kajian berkaitan fenomena ini. Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba mengemukakan pelbagai pandangan tentang kemunduran bangsa Melayu terutamanya menyentuh khusus terhadap sikap dan perwatakan orang Melayu itu sendiri.³ Beliau berpandangan bahawa kemiskinan dan kemunduran bangsa Melayu adalah kerana kurangnya ilmu dan kesedaran untuk menuntut ilmu dalam kalangan bangsa Melayu. Menurut beliau, hanya ilmu pengetahuan sahaja yang mampu mengubah nasib dan kedudukan bangsa Melayu.⁴

³ Wahid, A., & Ramli, F. N. A. (2016). Dilema Za'ba: Perangai Orang Melayu Bergantung Kepada Diri Sendiri. *Jurnal Peradaban Melayu*, 11, 27-32. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/2339>

⁴ Mohamad Rohana, Noor Aziera and Jamsari, Ezad Azraai and Sulaiman, Adibah (2011) Pendidikan Masyarakat Melayu Menurut Pemikiran Zaba / Noor Aziera Mohamad Rohana, Ezad Azraai Jamsari dan Adibah Sulaiman. In: *Prosiding Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011)*, diterbitkan di UKM Bangi (Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam).

Tun Mahathir dalam buku *The Malay Dilemma*, berhujah dengan panjang lebar tentang faktor yang menyumbang kepada kemunduran bangsa Melayu. Pandangan beliau terus dibahaskan sehingga waktu ini kerana ia adalah antara kritikan paling lantang, tegas dan berani seorang pemikir Melayu terhadap kemelut bangsanya sendiri. Syed Husin pula dalam karyanya *The Myth of The Lazy Native* mencabar naratif kolonial terhadap sikap dan pemikiran kaum peribumi di Asia Tenggara.⁵ Majalah Al-Islah yang diterbitkan pada Februari 1970 hingga Ogos 1974 telah mengemukakan pelbagai pandangan dan ulasan tentang kemunduran orang Melayu.⁶ Hujah utama yang diunjurkan ialah betapa kemunduran itu bertitik tolak daripada krisis kefahaman terhadap Islam kerana bangsa Melayu terus terbelenggu dengan tafsiran yang tidak menonjolkan nilai kemajuan dan konteks perubahan sezaman.

Terdapat dua punca utama bagaimana krisis ilmu dan pemikiran terus membelenggu bangsa Melayu. Pertama ialah kegagalan institusi pendidikan bangsa Melayu terutamanya yang berorientasikan pendidikan Islam, untuk berimajinasi tentang masalah yang melanda masyarakat Melayu. Mereka terus dengan fungsi pegun, iaitu mengajar ilmu Islam tanpa memberikan dimensi bagaimana Islam dan hikmahnya berupaya menjadi sebahagian dari penyelesaian terhadap pelbagai masalah sezaman. Kebanyakan sekolah tersebut berfungsi demi keperluan akhirat dan bukannya kepentingan semasa. Malah, banyak sahaja institusi pendidikan Islam orang Melayu melihat kemahiran dan pencapaian bersifata 'keduniaan' sebagai kurang penting. Akhirnya, secara langsung, masalah bangsa Melayu kontemporari terpaksa

⁵ Alatas, Syed Hussein. (1977). *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass.

⁶ Lihat Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Hamidah Jailani dalam "Kemunduran masyarakat Melayu : Pandangan Majalah Al-Islah", *Jurnal Usuluddin*, Vol 33, 2011.

diselesaikan dengan menggunakan pakai pendekatan Barat atau pendekatan bukan watan. Sekali pun kita bukanlah mahu menidakkan sumbangan peradaban Barat dalam konteks ilmu pengetahuan, tetapi bangsa Melayu gagal membangunkan gagasan ilmu pasca kolonialisme yang berteraskan Islam yang progresif. Apatah lagi apabila ilmu moden seakan sinonim dengan Barat dan tradisi keilmuan mereka.

Abdul Hamid Abu Sulaiman dalam mengagaskan teori Islamisasi ilmunya berhujah bahawa 'the imitation of foreign solutions'⁷ dalam memberikan solusi kepada permasalahan bangsa dan negara telah menjadi norma yang merencatkan pemikiran orang Islam dan menjurus kepada terbantutnya 'an indigenous or Islamic solutions' kepada masalah yang mendepani masyarakat Islam. Wujud kecenderungan untuk menggunakan pakai, menerima dan malah meniru secara total, segala instrumen, dasar, pendekatan dan penyelesaian sekular serta material Barat untuk masalah tempatan yang sebenarnya unik kepada orang Melayu dan Islam. Bukan itu sahaja, amalan demokrasi, hak asasi, kesenjangan dan sesuatu yang datang daripada sistem sekular dan Barat, selalu diberikan legitimasi sebagai moden, kontemporari dan komprehensif.

Kedua, ketaasuban institusi pendidikan kita dengan pencapaian dan pentafsiran Islam dalam konteks pra modenisasi termasuk mengutamakan kaedah di zaman permulaan Islam tanpa melihat konteks Malaysia, dan dunia, yang telah berubah, kompleks dan moden. Abdul Hamid Abu Sulaiman mengungkapkan fenomena ini

⁷ **Abu-Sulayman, Abdul Hamid**, American Journal of Islamic Social Sciences; Plainfield, Ind. Vol. 2, Iss. 2, (Dec 1, 1985): 263.

sebagai 'the immitative historical solutions'⁸, iaitu keadaan apabila orang Islam sentiasa terus merujuk kepada pengalaman dan pencapaian sejarah Islam silam sebagai satu-satunya pedoman tanpa mengambil kira kesesuaiannya dengan konteks masa, persekitaran dan budaya asal. Romantisme atau obsesi mereka adalah untuk mengembalikan zaman keemasan Islam sedangkan zaman keemasan Islam itu telah berakhir ratusan tahun dahulu. Apa yang lebih membimbangkan ialah mereka ingin mengulangi zaman keemasan Islam tanpa menghargai hakikat bahawa pemangkinnya adalah ilmu pengetahuan dan pemikiran termaju. Tanpa ilmu dan penerokaan ilmu-ilmu baharu, tidak akan terbit pemikiran berkemajuan. Tanpa pemikiran yang progresif, zaman kegemilangan yang mereka idamkan itu hanya akan terus kekal jadi impian.

Namun meminggirkan pemikiran, penyelesaian dan naratif modenisasi Barat juga adalah penyumbang kepada krisis pemikiran dan ilmu dalam kalangan orang Islam. Banyak sekali pemikiran dan ilmu dari dunia dan tamadun Barat yang sarat dengan pengajaran yang mencerahkan. Begitu juga menyetepikan pengalaman tamadun hebat Islam hanya kerana konteks masa, keadaan dan persekitaran yang berbeza adalah sangat anti akal. Jalan terbaik adalah mengadunkan kedua-dua elemen dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Seperti kata Edward Said, dalam artikelnya 'The Clash of Ignorance', 'labels like 'Islam' and the 'west' serve only to confuse us on the disorderly reality'.⁹

⁸ Ibid

⁹ Edward W. Said, "The Clash Of Ignorance", The Nation, October 4, 2001.

3.0 Kepentingan Revolusi Pendidikan Islam

Islam bukan lagi di pinggiran dalam konteks Malaysia dan juga dunia. Ia adalah sangat 'central', dalam kehidupan masyarakat dan tata kelola kerajaan.¹⁰ Justeru, krisis pemikiran dan ilmu orang Islam hanya akan dapat diatasi dengan mengarus perdanakan pendidikan, terutama pendidikan Islam agar selari, melengkapinya malah setanding dengan pendidikan moden dan sekular. Strategi ini, jika dilaksanakan dengan berkesan, akan mencetus kebangkitan semula Islam (ihya') secara progresif. Malah telah wujud gerakan kesedaran dan politik untuk mempengaruhi peningkatan nilai-nilai Islam dalam era dunia moden; sebagai tindak balas kepada dunia Barat dan aliran duniawi.¹¹ Bagi masyarakat Islam di Malaysia, kembali kepada Islam dan ajarannya adalah satu jawapan kepada kerosakan akidah, kemerosotan masyarakat Islam dan pengimbang kepada kemodenan secara keseluruhannya. Justeru, merekayasa institusi pendidikan Islam seperti pondok, madrasah dan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri khususnya harus menjadi agenda kritikal dalam usaha untuk membangunkan kemajuan pemikiran dan daya bangsa Melayu di Malaysia. Namun mengarus perdanakan sahaja pendidikan Islam itu jauh dari memadai.

Pembaharuan radikal sangat diperlukan. Ada beberapa alasan kenapa pembaharuan radikal atau mudahnya sebuah revolusi pendidikan Islam itu sangat perlu dalam konteks Malaysia. Pertama, institusi pendidikan Islam di Malaysia masih jauh terkebelakang dari segenap segi. Punca utamanya ialah masalah struktural yang

¹⁰ Lihat AB Shamsul, "Making sense of the Plural-Religious Past and the Modern-Secular Present of the Islamic Malay World and Malaysia", *Asian Journal of Social Sciences*, 1 Jan 2005, Vol 33(3).

¹¹ Lihat Olivier B. (2020) *The Factors Driving Islamisation in Malaysia*. In: *Islamic Revivalism and Politics in Malaysia*. Critical Studies of the Asia-Pacific. Palgrave Macmillan, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-15-0882-0_4.

sangat sukar diatasi kecuali dengan komitmen politik yang radikal. Kedudukan Islam di bawah bidang kuasa kerajaan negeri secara langsung menghalang kemajuan pendidikan Islam di Malaysia. Ini telah menjadikan pendidikan Islam itu terpisah-pisah, tidak bersepadu, dan tidak sistematik, sehingga mewujudkan terlalu banyak saluran, pendekatan dan kepelbagaian.¹² Walau bagaimanapun, ia masih berfungsi dengan baik di sebalik pencapaian matlamatnya yang sering menjadi pokok perbincangan yang berterusan. Sistem sekolah pondok umpamanya, tidak mempunyai sistem terpadu apatah lagi moden. Ia kekal dengan kurikulum dan pedagogi tradisionalnya. Malah kewujudan dan keterlihatannya amat bergantung kepada ketokohan mudir atau Tuan Guru, bukan kepada kualiti institusi pondok itu sendiri.¹³ Tidak pelik jika banyak sahaja sekolah agama persendirian atau pondok yang akan turut 'mati' setelah meninggalnya pengasas atau tokoh yang membangunkannya. Pendidikan tahfiz pula, yang kebanyakannya dilaksanakan sebagai institusi pendidikan persendirian, sangat tidak terkawal selia dan semua ini menjadikan segalanya seolah-olah tidak bersistem dan tidak mempunyai tata kelola dan governan.¹⁴

Halangan struktural ini mesti diatasi kerana sumber kerajaan negeri yang terhad. Satu konsensus bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri demi kemajuan pendidikan Islam harus diteroka. Kerajaan Persekutuan melalui sumbernya yang luar

¹² Untuk bacaan lanjut tentang sejarah pendidikan Islam di Malaysia, rujuk Mohd. Shuhaimi bin Haji Ishak & Osman Chuah Abdullah (2013) *Islamic Education in Malaysia: A Study of History and Development*, Religious Education, 108:3, 298-311, DOI: [10.1080/00344087.2013.783362](https://doi.org/10.1080/00344087.2013.783362)

¹³ Rosnani Hashim, Saheed Ahmad Rufai and Mohd Roslan Mohd Nor, *Traditional Islamic Education in Asia and Africa: A Comparative Study of Malaysia's Pondok, Indonesia's Pesantren and Nigeria's Traditional Madrasah*; *World Journal of Islamic History and Civilization*, 1 (2): 94-107, 2011

¹⁴ P Norazmi Anas, Zakiah Samori, Md Yusof Hamid, Shahril Nizam Zulkipli, Mohd Syukri Mohd Noor, "Rivate Tahfiz Institution Governance: A Proposed Transformation Via Social Entrepreneurship Model", *Academy of Entrepreneurship Journal*, Volume 25, Issue 1, 2019.

biasa, tidak mempunyai masalah untuk mengemukakan strategi masa depan sistem sekolah agama dan membangunkan konsensus nasional bersama-sama dengan semua Kerajaan Negeri bagi mengoperasikan pelan nasional pendidikan Islam sesuai bidang kuasa mereka. Malah adalah sangat menguntungkan kerajaan negeri untuk menerima apa jua bantuan Kerajaan Pusat dalam memperkasa sistem pendidikan agama negeri.

Untuk mengatasi halangan perundangan demi kepentingan strategik pendidikan Islam dan Malaysia, kerajaan persekutuan wajar mempertimbangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira dua pilihan. Pertama, meletakkan pendidikan Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan tanpa menjejaskan bidang kuasa kerajaan negeri terhadap Islam dan pentadbirannya. Justifikasinya ialah kerana pendidikan Islam itu lebih cenderung kepada pendidikan dan bukannya berkaitan hal-ehwal pentadbiran Islam. Pilihan kedua ialah memperuntukkan agar semua institusi pendidikan Islam diletakkan di bawah Senarai Bersama¹⁵ tanpa menjejaskan bidang kuasa Kerajaan Negeri terhadap pentadbiran Islam. Senarai Bersama boleh membenarkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri membuat undang-undang dalam perkara tertentu selagi undang-undang tersebut tidak bersifat *ultra vires* mahupun bercanggah antara satu sama lain. Jika terdapat percanggahan, maka undang-undang Persekutuan akan terpakai. Pendekatan ini akan memastikan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa bersama yang boleh diharmonikan bagi memastikan

¹⁵ Rujuk Jadual Ke Sembilan, Perlembagaan Persekutuan.

pelaburan dan peningkatan mutu pendidikan Islam boleh dilaksanakan secara strategik dengan sinergi yang betul.

Jika halangan struktural seperti yang dinyatakan di atas tidak diatasi, ia akan merencatkan pelaburan dan perhatian sewajarnya kepada pembangunan pendidikan berteraskan wahyu. Pelaburan dan perhatian yang tidak mencukupi adalah resipi keterbelakangan pendidikan Islam. Kesannya, pendidikan Islam tidak akan berupaya diarusperdanakan dan hanya akan menjadi elemen sampingan dalam konteks pendidikan nasional.

Kedua, pendidikan Islam di Malaysia berkembang dengan sangat pesat semenjak 20 tahun lepas sekali pun tanpa kerangka matlamat nasional yang jelas. Ribuan madrasah, institusi tahfiz, pondok dan sekolah agama tumbuh, tanpa panduan dan matlamat yang nyata dalam konteks kemajuan dan pembangunan nasional. Pertumbuhan sekolah-sekolah ini berlaku dengan matlamat dan kepentingan yang sangat pelbagai. Kebanyakan sekolah ini dibangunkan semata-mata sebagai 'infak' kepada agama. Begitu juga mereka yang memilih menghantar anak-anak ke sana kerana mahukan anak mereka menjadi seorang hafiz dan akhirnya dapat 'membantu mereka di hari kemudian'. Malah strategi reformasi sistem pendidikan Islam di Malaysia yang diusulkan oleh penyelidik pendidikan Islam terus meminggirkan misi nasional dan keutamaan negara dalam membangunkan keunggulan pendidikan Islam.¹⁶

¹⁶ Muhammad Syukri Salleh, "Strategizing Islamic Education", International Journal of Education and Research, Vol. 1 No. 6 June 2013.

Malaysia harus mengakui bahawa pendidikan dan inovasi akan menjadi 'mata wang' abad ke-21. Justeru, setiap institusi pendidikan sama ada sekular atau berteraskan agama, perlu digerakkan untuk membongkar potensi setiap rakyat Malaysia. Namun, dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, langkah penambahbaikan sektor pendidikan sering tertumpu kepada sistem pendidikan nasional berbanding pemerksaan peranan sekolah-sekolah pendidikan Islam. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025¹⁷ memberikan gambaran jelas kegagalan kerajaan dalam menyatakan secara jelas peranan dan arah tuju pendidikan dan sekolah berteraskan agama Islam dalam konteks memodenkan sistem pendidikan Malaysia.

Kegagalan kerajaan mengemukakan visi nasional dan pelan jangka panjang untuk penambahbaikan sistem pendidikan Islam menunjukkan dengan jelas bahawa pendidikan Islam sangat terpinggir dan terpisah dari kepentingan strategik Malaysia. Malah, setelah berubahnya kerajaan dengan diterajui oleh seorang menteri pendidikan yang berlatarbelakang agama sekalipun, tidak ada gagasan besar yang dirumuskan demi kemajuan pendidikan Islam. Ia seolah-olah hanya 'pendidikan sampingan' dan bukan aliran pendidikan yang fundamental dalam memacu kemajuan sesuatu bangsa dan negara.

¹⁷ Lihat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di <https://www.moe.gov.my/en/dasarmenu/pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>.

Ketiga, sistem sekolah agama mempunyai kepentingan tersendiri dalam membentuk pemikiran, identiti dan keterampilan bangsa Melayu atau konsep yang dikenali sebagai jati diri. Abdullah Hassan berhujah bahawa jati diri bangsa itu sebenarnya ialah "ciri-ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa kekitaan individu dalam kumpulan itu".¹⁸ Antara ciri-ciri yang membentuk jati diri tersebut ialah leluhur yang sama, bahasa pertuturan yang sama, kebudayaan yang sama, agama yang sama dan bermastautin di daerah geografi yang sama.¹⁹ Namun jati diri Melayu telah menjadi semakin kabur identitinya ekoran dampak globalisasi dan perubahan deras modenisasi. Fenomena ini digelar oleh Abdullah Hassan sebagai 'minda terjajah dan minda tertawan'.²⁰ Apatah lagi apabila globalisasi itu dipacu deras oleh kemajuan teknologi komunikasi pelbagai dimensi yang sangat didominasi oleh budaya serta citra Barat dan dalam medium Bahasa Inggeris.

Melihat kepada kepentingan pendidikan Islam, kenapa ia tidak dimanfaatkan untuk melonjak, memperkukuh dan menampilkan kedinamikan baharu dalam pemikiran, penampilan dan pengukuhan identiti bangsa Melayu? Perubahan dalam masyarakat Melayu Islam ke arah membentuk minda yang maju adalah amat penting dan hanya boleh dicapai melalui pendidikan berkualiti, pelaburan yang berterusan dan lestari, latihan yang bersesuaian serta penyertaan menyeluruh oleh masyarakat Melayu Islam. Sistem sekolah agama bukan sekadar arena pendidikan tauhid dan

¹⁸ Abdullah Hassan, "Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Jati Diri Dengan Rempuhan Globalisasi (The Malay Language At Crossroads: Between Identity And The Onslaught Of Globalisation)", *Kemanusiaan* 16 (2009), 59–81

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ibid.

akidah. Ia sebenarnya berperanan untuk membentuk identiti, keperibadian dan pemikiran Melayu Islam.

Sistem tersebut tidak boleh hanya berfungsi sebagai wadah membangun aspek rohani atau spirituilisme Islam. Sistem ini berupaya untuk berperanan dan menyumbang dengan lebih besar sebagai platform pengukuhan intelek, budaya dan identiti Melayu. Kedudukan Islam dan konsep Melayu itu sangat unik dalam konteks Malaysia. Perlembagaan Persekutuan mendefinisikan bahawa Melayu itu merupakan seorang yang "beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu"²¹. Oleh itu, identiti Melayu itu didasari oleh Islam.²² Tanpa Islam, identiti Melayu secara perlembagaan, tidak wujud.

Usaha membongkar potensi sistem pendidikan Islam dalam memperkukuh jati diri bangsa Melayu mesti digiatkan dalam menentukan masa depan bangsa Melayu Islam. Jika bukan di sekolah agama, di mana lagi jati diri Melayu yang Islamik dengan fikrah Melayunya yang maju dapat disubur dan dibangunkan? Justeru, mempersiapkan masyarakat Melayu Muslim mesti mengambil kira peranan terpendam sistem pendidikan Islam di Malaysia. Malaysia pasca moden mesti

²¹ Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan. Untuk memahami konteks Melayu Islam dengan lebih lanjut, rujuk Sharon Siddique, "Some Aspects of Malay-Muslim Ethnicity in Peninsular Malaysia" *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 3, No. 1 (June 1981), pp. 76-87 (12 pages) Published By: ISEAS - Yusof Ishak Institute available <https://www.jstor.org/stable/25797648>

²² ISMAIL, Ahmad Munawar; STAPA, Zakaria; SUHAIMI, Siti Aishah. Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu (Islam and the Formation of Malay Ethnic Identity). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, [S.l.], p. 143-154, feb. 2016. ISSN 1985-6830. Available at: <<http://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12341>>. Date accessed: 04 nov. 2020.

mengambil langkah yang mencukupi untuk mempersiapkan generasi baharu Melayu Muslim kosmopolitan dan berdaya tahan.

Selain berperanan membangunkan identiti, pemikiran dan keupayaan intelek bangsa, rekayasa dan transformasi sistem pendidikan Islam di Malaysia adalah sangat penting untuk memastikan kelangsungan pengaruh politik Melayu Islam. Malaysia adalah satu-satunya negara yang memberikan definisi bangsa yang senafas dengan agama dan budaya. Oleh kerana Islam itu sangat unggul dalam kehidupan masyarakat Melayu. Keadaan ini menjadikannya mempunyai kepentingan strategik dalam politik bangsa Melayu.²³ Tanpa Islam, politik bangsa Melayu tidak mempunyai kecerdasan yang mampu membolehkannya berkelangsungan. Apa jua hal berkaitan Islam, mempunyai kepentingan pembangunan dan politik tersendiri.²⁴ Islam dan politik mempunyai hubungan yang sangat kuat dalam pembentukan sebuah negara bangsa yang moden.²⁵

Sistem pendidikan Islam, jika dibangunkan secara moden dan berorientasikan kemajuan, akan menyumbang kepada kekuatan pengaruh politik Melayu secara langsung. Membiarkan sistem pendidikan Islam dalam keadaan tanpa pelaburan dan perhatian sewajarnya akan secara tidak langsung menyumbang kepada kesusutan

²³ Means, Gordon P. "The Role of Islam in the Political Development of Malaysia." *Comparative Politics*, vol. 1, no. 2, 1969, pp. 264–284. *JSTOR*, www.jstor.org/stable/421388. Accessed 9 Nov. 2020.

²⁴ Vedi R. Hadiz & Khoo Boo Teik (2011) Approaching Islam and politics from political economy: a comparative study of Indonesia and Malaysia, *The Pacific Review*, 24:4, 463-485, DOI: [10.1080/09512748.2011.596561](https://doi.org/10.1080/09512748.2011.596561)

²⁵ Sharifah Sara Hasliza Syed Hamid, & Akhmetova, E. (2019). Islam and Politics in Malaysia: The Realisation of Islam as a State Religion in Sabah (Islam dan Politik di Malaysia: Realisasi Islam sebagai Agama Negeri di Sabah). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 16(2), 302-320. <https://doi.org/10.31436/jia.v16i2.734>

dan kemerosotan kekukuhan kuasa politik Melayu Islam. Tanpa transformasi yang berkesan serta pembaharuan sekolah agama, kepimpinan politik Melayu Islam akan dilihat sebagai meminggirkan kepentingan Islam. Keadaan ini tidak akan diterima baik oleh majoriti masyarakat Melayu Muslim. Bangsa Melayu memerlukan segala spektrum pembangunan terutamanya pendidikan berkualiti termasuk pendidikan Islam terbaik. Justeru, kelangsungan perjuangan politik Melayu Islam sangat terkait rapat dengan pembaharuan dan transformasi sistem sekolah agama yang efektif, moden dan unggul.

Apa jua langkah untuk memoden dan melaksanakan reformasi terhadap sekolah agama adalah satu bentuk pelaburan bagi masa depan politik bangsa Melayu dan kesyumulan Islam. Justeru, mengurus perdanakan pendidikan Islam akan dilihat sebagai lonjakan kepada kedudukan strategik Islam dan akan menyumbang kepada pengukuhan kuasa politik Melayu. Oleh yang demikian, mana-mana parti berteraskan Melayu, akan mendapat pulangan politik yang signifikan, jika mereka melabur dengan besar dalam merekayasa sistem pendidikan Islam di Malaysia. Prospek masa depan sistem pendidikan Islam akan terus menjadi agenda politik pelbagai pihak dalam memperkukuh kedudukan politik mereka. Namun mempolitikkan pendidikan Islam bukanlah jalan terbaik untuk memajukannya. Apa jua pelaburan untuk memajukan sistem pendidikan Islam, mesti mengutamakan misi utamanya sebagai wadah bagi mengurangkan jurang dan kemunduran bangsa Melayu dalam persaingan pembangunan teknologi dan ekonomi pada masa hadapan.

4.0 Strategi Dalam Revolusi Pendidikan Islam

Revolusi pendidikan Islam tidak boleh terpisah dari misi nasional Malaysia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan Islam tidak boleh sekadar menjadi pemain sampingan, tetapi pemain utama serta pelengkap kepada pelbagai strategi dan objektif pendidikan negara. Memisahkan pendidikan Islam dari misi nasional akan menjadikannya hanya sekadar sistem sampingan yang tidak dipedulikan. Malaysia harus membangunkan ekosistem pendidikan Islam yang luwes, dinamik serta dikayakan dengan pelbagai dimensi tetapi mesti semuanya terarah kepada melahirkan bakat, tenaga kerja dan insan yang mempunyai kelayakan dan kepakaran, watak dan keperibadian terbaik. Semua ini akhirnya sangat diperlukan oleh Malaysia dalam melonjak dan melestarikannya sebagai sebuah negara maju. Antara pembaharuan yang sangat diperlukan oleh pendidikan Islam di Malaysia adalah dalam aspek-aspek berikut;

Pertama, keperluan menyatakan visi baharu bagi pendidikan Islam di Malaysia. Tanpa visi yang jelas, pendidikan Islam tidak akan menjadi sistem arus perdana dan akan kekal sebagai pendidikan ketuhanan sebagai persediaan di hari kemudian. Visi pendidikan Islam harus mengiktiraf Islam sebagai 'a way of life' atau suatu cara hidup dan bukan sekadar agama. Ia juga harus mengiktiraf bahawa Islam di Malaysia berevolusi dalam realiti sosiologi yang dipengaruhi faktor seperti kewujudan masyarakat majmuk, pengaruh sekularisme dan nilai kemodenan yang telah menghasilkan cara hidup dan tafsiran Islam yang lebih sederhana dan pertengahan.²⁶

²⁶ Azmi Aziz & A. B. Shamsul (2004) The religious, the plural, the secular and the modern: a brief critical survey on Islam in Malaysia, *Inter-Asia Cultural Studies*, 5:3, 341-356, DOI: 10.1080/1464937042000288651

Justeru visi tersebut perlu mengutamakan kefahaman dan keseimbangan tentang hubungan antara kehidupan manusia (insaniyyah) dan ilmu akhirat dan ketuhanan (rabbaniah) dalam konteks Malaysia moden. Dasar pendidikan Islam perlu menterjemahkan semangat rohaniah yang terbit dari budaya Islam yang bersumberkan wahyu dan bagaimana ia harus memandu kehidupan, kebingkasan dan kemajuan hidup manusia terutama dalam mendepani kemodenan. Visi baharu ini perlu mendepani cabaran dalam menyatukan kepercayaan dengan pendidikan. Ini bermakna kepercayaan tidak lagi akan dianggap sebagai subjek yang tidak berkaitan dengan pendidikan, sebaliknya, akan membuka ruang perbincangan dan penyatuan idea dan kepercayaan dalam subjek-subjek lain.

Kedua, pendidikan Islam di Malaysia perlu menonjolkan dua idea yang mesti menjadi keutamaan: iaitu konsep pembelajaran sepanjang hayat sebagai tuntutan agama; dan kepentingan ilmu dan amal bagi menjamin kebajikan umat Islam secara khususnya dan seluruh umat manusia secara amnya. Pendidikan Islam tidak berakhir dengan tamatnya peringkat tertentu tetapi adalah proses penggalian dan penerokaan ilmu sepanjang hayat. Hidup mesti didorong dengan pendidikan berterusan. Dalam hal ini, Islam mesti titik tengah yang utama dalam membudayakan pendidikan sepanjang hayat. Apa yang lebih utama adalah menerapkan kesedaran bahawa belajar adalah untuk ilmu dan bukan semata-mata demi pekerjaan. Malah pekerjaan tidak akan sempurna dan berjaya tanpa pencarian ilmu yang berterusan.

Ilmu juga mesti diamal, diterjemah dan dimanfaatkan untuk kebaikan lingkungan masyarakat. Bukan untuk milikan peribadi semata-mata dan hanya bertujuan menambahkan pahala individu. Pada peringkat awal kewujudan Islam, umat Islam menggunakan sepenuhnya segala ilmu yang ada pada era tersebut untuk memajukan umat manusia. Malah Islam dan ajarannyalah yang telah memberikan pencerahan kepada pelbagai peradaban manusia dengan membasmi perhambaan, mengiktiraf peranan wanita, mendorong penerokaan sains dan ilmu kemanusiaan serta pelbagai lagi sumbangan kepada manusiawi. Justeru, mengambil teladan dari sumbangan dan tradisi keilmuan Islam, pendidikan Islam mesti digembleng untuk kebaikan seluruh umat manusia dan bukan hanya bagi kepentingan Islam yang sempit. Islam dan ajarannya, mesti berperanan menjamin kebajikan seluruh umat manusia dan bukan hanya penganutnya.

Ketiga, pendidikan dalam dunia Islam umumnya telah terpisah dari pemikiran kritikal dan perbincangan maknawi. Ia telah beralih menjadi sekadar proses penyebaran hukum dan norma dan bukannya penciptaan, penemuan, inovasi serta pencambahan idea. Tiada sebarang bentuk pendidikan yang mampu berjaya dan berdaya sendiri tanpa menggalakkan pemikiran kritikal, penekanan terhadap kreativiti dan pembaharuan dalam pedagogi. Memandangkan pendidikan Islam mempunyai cabang etika, penting untuk kita bertanya apakah bentuk etika Islam yang boleh dituntut daripada seorang guru? Dan apakah pula yang boleh diperolehi pelajar hasil hubungan pembelajaran antara guru dan murid? Selain itu, kita juga perlu menilai ilmu yang diperolehi oleh seorang murid melalui pendidikan Islam. Matlamat sesuatu aktiviti pembelajaran perlu sentiasa dipersoalkan. Konsep "ilmu bermanfaat" ('ilmun

yanfa'u) dalam Al-Quran telah ditafsirkan sebagai ilmu yang berguna kepada seseorang bagi kehidupannya di akhirat. Justeru, pendidikan Islam sewajarnya mensyaratkan bahawa sebarang manfaat dalam segala ilmu mesti senantiasa boleh dan akan dipersoalkan. Hanya dengan semakan yang berterusan, inti pati pemikiran kritikal akan berjaya diangkat semula dalam pendidikan Islam.

Keempat, pendidikan Islam tidak lagi boleh terpisah daripada teknologi dan kemajuan komunikasi. Era yang menyaksikan Islam dan pendidikannya dilaksanakan melalui *halaqah* dan perguruan bersemuka telah lama berakhir. Apa lagi pendidikan yang hanya menghafal dan tidak mentafsir. Imej 'pondok' dan 'kitab kuning' pada pendidikan Islam mesti diubah dan dibetulkan. Pendidikan Islam kurun ke-21 mesti menyedari bahawa wujudnya semangat untuk membaca, berinteraksi dan belajar dalam kalangan generasi muda yang merentasi segala media elektronik dan digital. Kita kini berdepan dengan generasi digital atau "digital natives". Namun penggunaan teknologi masih berada jauh dari menjadi keutamaan dalam pendidikan agama termasuk di sekolah yang berada dalam kategori bestari dan terpilih.²⁷ Satu perkara yang kita sedia maklum, anak muda kini berbeza dari segi pembelajaran dan berinteraksi sesama sendiri. Sebagai contoh, mereka lebih gemar membaca blog berbanding surat khabar. Mereka juga bertemu sesama sendiri di alam maya sebelum berjumpa secara bersemuka. Malahan, ramai anak muda mungkin tidak lagi kenal akan rupa sebuah kad perpustakaan, dan jika mereka memilikinya, mungkin ia tidak sering digunakan. Sumber muzik mereka adalah Internet dan bukan lagi kedai rekod

²⁷ M. I. Hamzah, A. Ismail, and M. A. Embi, in "The Impact of Technology Change in Malaysian Smart Schools on Islamic Education Teachers and Students", *International Journal of Human and Social Sciences* 4:11 2009.

muzik. Mereka juga lebih selesa menggunakan perkhidmatan mesej segera dan media sosial bagi berkomunikasi berbanding membuat panggilan telefon. Sebahagian besar kehidupan mereka akan melibatkan pengantaraan teknologi digital. Dan inilah realiti yang pendidikan Islam harus terima dan tempuhi.

Kelima, terdapat kekurangan dari segi imaginasi, kesenian dan unsur kreativiti dalam pendidikan Islam. Apabila berhadapan generasi kurun ini yang sangat terdedah dengan imaginasi yang luar biasa dan dalam pelbagai dimensi, amatlah sukar untuk pendidikan itu kekal relevan tanpa penampilan elemen budaya dan unsur kreativiti yang nyata. Secara umumnya, pendidikan Islam boleh diperkayakan dengan keterlibatan unsur kreatif kebudayaan dan kemanusiaan.²⁸ Aktiviti kesenian dan seni kreatif seperti penggunaan muzik, persembahan teater, elemen filem dan dokumentari serta pelbagai medium seni kreatif lain wajar menjadi elemen penting dalam penyampaian pendidikan Islam. Pemisahan pembelajaran dan pendidikan Islam dari elemen imaginasi akan membantutkan kreativiti dan idea transformatif yang mampu membawa pencerahan kepada pelbagai isu semasa dan bagaimana Islam boleh memandu penyelesaiannya. Pembelajaran berdasarkan cabaran, imaginasi, budaya, kreativiti dan aktiviti komuniti sesungguhnya berpotensi digunakan sebagai medium untuk mendekati Tuhan.

²⁸ Adibah Mohamad¹, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Paimah Atoma, Anita Ismail, Mohd Azmir, Mohd Nizah, Hisham Kandi, "Creativity and Innovation in Islam and the Necessity for its application in Islamic Education", Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions 2012 (SeIPTI 2012). See also Saad, N. and Busrowi, S. (2015) *Barriers to technology integration in Islamic education: An insight of excellent teachers*. In: International Conference on New Directions in Multidisciplinary Research & Practice, 12-13 May 2015, Istanbul, Turkey.

Keenam, wujud keperluan reformasi yang menyeluruh ke atas pendekatan pedagogi dalam menyampaikan pendidikan Islam. Umum berpandangan bahawa pendidikan Islam harus memainkan peranan lebih penting dalam kehidupan umat Islam masa kini. Justeru, ia harus beralih dari pendekatan pedagogi yang terlalu menekankan pengajaran ilmu hukum (fiqh) dan kepada pendekatan berpaksikan isu dan bagaimana Islam boleh mengemukakan pedoman. Kritikan terhadap pendidikan agama termasuk pendidikan Islam sering berkisar tentang realiti bahawa ia bertumpukan pengetahuan dan bukan pengertian, yang dapat dilihat apabila pelajar tidak memahami atau menghargai sebab mengapa mereka mempelajari sesuatu perkara.²⁹ Pendekatan pedagogi yang lebih bertumpukan pengertian akan memupuk kebolehan pembelajaran sendiri seorang pelajar. Kesan kelompangan pedagogi di sekolah-sekolah agama di Malaysia ini mengakibatkan pelajar sering tidak mengerti kepentingan subjek yang telah dipelajari apabila berada di dunia luar.

Ketujuh, kita perlu melatih semula para guru dan juga menyediakan modal insan yang terbaik untuk mengajar. Kita memerlukan guru yang mampu memberikan impak positif kepada pelajar, iaitu guru yang terlatih serta prihatin akan pembangunan moral, intelek dan rohaniah. Kita memerlukan guru yang berdedikasi dalam menyampaikan ilmu melangkaui kurikulum dan sukatan pelajaran, terutama sekali mereka yang boleh memanfaatkan teknologi, kreativiti dan inovasi dengan cara paling radikal. Sistem persekolahan perlu lebih terbuka kepada individu mahupun organisasi luar yang mahu

²⁹ Othman N., Mohamad K.A. (2016) Educational Reform and Islamic Education in Malaysia. In: Tiliouine H., Estes R. (eds) The State of Social Progress of Islamic Societies. International Handbooks of Quality-of-Life. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-319-24774-8_11

berkongsi ilmu, pengalaman dan perjalanan hidup mereka. Namun yang lebih utama ialah kita mesti menarik bakat terbaik untuk berlumba-lumba menjadi tenaga pengajar dalam pendidikan Islam. Islam mesti disampaikan oleh mereka yang bukan sahaja kompeten dalam mempertahankan Islam dan ajarannya, tetapi yang lebih penting mampu mempersembahkan segala hikmah darinya.

Kelapan, kepentingan penekanan terhadap pembangunan sistem pendidikan Islam yang berdasarkan model kompetensi (*competency-based learning*) yang memberi penumpuan kepada penggunaan pengetahuan dalam situasi-situasi yang tertentu.³⁰ Tidak dinafikan bahawa pembangunan model kompetensi dalam pendidikan agama masih berada di peringkat awal. Ini perlu berubah dan Malaysia boleh mempelopori pendidikan Islam dengan bersandarkan model kompetensi. Dalam banyak keadaan, matlamat dan visi pendidikan Islam terlalu abstrak sehingga tiada mekanisme untuk mengukur sama ada matlamat pembelajaran telah tercapai atau sebelumnya. Malaysia mesti menerajui kaedah yang lebih saintifik untuk memastikan 'outcome' pendidikan Islam boleh diukur dengan lebih objektif dan bersandarkan kompetensi yang sesuai dengan kemahiran yang diperlukan.

Kesembilan, kepentingan pendidikan Islam bagi memulihara autonomi intelek dan politik di segala peringkat dengan memberikan kuasa kepada masyarakat untuk menentukan kehidupan sendiri dan masyarakat mereka. Objektif bagi sekolah-

³⁰ Untuk memahami konsep '*competency based learning*' rujuk William C. Rivenbark & Willow S. Jacobson (2014) *Three Principles of Competency-Based Learning: Mission, Mission, Mission*, *Journal of Public Affairs Education*, 20:2, 181-192, DOI: 10.1080/15236803.2014.12001781

sekolah Islam sewajarnya membolehkan umat Islam melahirkan individu-individu yang berautonomi dalam persekitaran hidup mereka. Autonomi membawa maksud hak dan tanggungjawab untuk mempersoal mana-mana sosok penguasa atau badan berkuasa, termasuklah guru. Permasalahan dengan badan berkuasa yang sering timbul dalam dunia pendidikan Islam ialah apabila kanak-kanak diajar untuk memberikan penghormatan istimewa kepada guru sehingga tiada yang boleh mempersoalkan 'autoriti' mereka. Sedangkan Islam menggalakkan debat, wacana dan pencarian berterusan pelbagai idea dan pemikiran baru tanpa mengurangkan rasa hormat kepada guru. Autoriti seorang guru yang selalunya dihormati sebagai orang yang terpelajar dengan kemampuan mengalun dan mentafsirkan ayat-ayat suci, sering dilihat sebagai suara autoritatif apabila mempelajari kandungan kitab suci dan ilmu Islam. Lantas timbullah keperluan untuk mengutarakan semula kefahaman bahawa yang suci dan syumul itu hanyalah Al-Quran dan hikmahnya, bukan terletak pada guru yang mengajarkannya.

5.0 Langkah Masa Hadapan

Kerajaan perlu mempertimbangkan secara serius penubuhan jawatankuasa khas untuk meneliti, mengkaji semula dan mencadangkan hala tuju baharu pendidikan Islam di Malaysia. Jawatankuasa tersebut perlu melibatkan pakar dan sarjana Muslim terulung daripada latar belakang yang pelbagai. Mandat bagi jawatankuasa khas ini adalah untuk mencadangkan visi baharu pendidikan Islam dan mengenal pasti cara-cara melaksanakannya agar dapat mencapai transformasi yang berimpak. Bagi tempoh 10 tahun akan datang, kerajaan persekutuan dan negeri-negeri seharusnya

mempertimbangkan pelaburan yang radikal untuk menyediakan pelbagai kemudahan termaju yang moden di sekolah-sekolah Islam di Malaysia dengan guru yang dilatih semula serta pengambilan bakat terbaik sebagai tenaga pengajar. Model pembiayaan tambahan boleh didapati melalui institusi zakat, wakaf, tabung amanah atau pinjaman daripada institusi kewangan pembangunan seperti Bank Pembangunan Islam dan Bank Pembangunan Asia.

Malaysia seharusnya mempertimbangkan idea untuk menjadikan negara ini sebagai hab bagi pendidikan Islam berkepentingan global. Ini seiring dengan permintaan tinggi untuk sekolah Islam dengan orientasi global dari seluruh dunia. Pertambahan jumlah golongan kelas menengah dan kelas menengah atas yang mahukan pendidikan Islam berkualiti untuk anak-anak mereka telah menyumbang kepada peningkatan permintaan. Justeru, Sekolah Islam Antarabangsa perlu dijadikan sebagai salah satu kebitaraan unggul untuk Malaysia. Hanya dengan perencanaan yang berdasarkan data, sumber dan berpendekatan moden, krisis ilmu dan pemikiran yang mendepani umat Islam dapat secara perlahan-lahan kita uruskan dengan melaksanakan intervensi dan langkah pembetulan kepada institusi pendidikan Islam di pelbagai peringkat.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2009) "Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Jati Diri Dengan Rempuhan Globalisasi (The Malay Language At Crossroads: Between Identity And The Onslaught Of Globalisation)", *Kemanusiaan* 16 (2009), 59–81

Abu-Sulayman, Abdul Hamid. (1985). Islamization of Knowledge with Special Reference to Mitical Science. *American Journal of Islamic Social Sciences*; Vol. 2, Iss. 2, (Dec 1, 1985): 263-289

Adibah Mohamad, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Paimah Atoma, Anita Ismail, Mohd Azmir, Mohd Nizah, Hisham Kandi, 2012. "Creativity and Innovation in Islam and the Necessity for its application in Islamic Education", Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions 2012 (SeIPTI 2012).

Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Hamidah Jailani, 2011. "Kemunduran masyarakat Melayu : Pandangan Majalah Al-Islah", *Jurnal Usuluddin*, Vol 33, 2011. 320-48

Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Siti Aishah Suhaimi. 2012. Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari* (Edisi Khas). 143-154, <http://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12341>.

Alatas, Syed Hussein. (1977). *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass.

Azmi Aziz & A. B. Shamsul (2004) *The religious, the plural, the secular and the modern: a brief critical survey on Islam in Malaysia*, *Inter-Asia Cultural Studies*, 5:3, 341-356, DOI: 10.1080/1464937042000288651

Climbing the Ladder: Socio-economic Mobility in Malaysia, Khazanah Research Institute October 2016 available at

Abdul Razak Ahmad, "Bangsa Melayu, Krisis Ilmu Dan Revolusi Pendidikan Islam Sebagai Jalan Pencerahan" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 10 – 41

http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/SM_English.pdf

f.

Edward W. Said.(2001). "The Clash Of Ignorance", The Nation, October 4

Ibrahim Saad. (1986). *Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. I. Hamzah, A. Ismail, and M. A. Embi, (2009) "The Impact of Technology Change in Malaysian Smart Schools on Islamic Education Teachers and Students", *International Journal of Human and Social Sciences*. 4:11, 824-836

Means, Gordon P.(1969). "The Role of Islam in the Political Development of Malaysia." *Comparative Politics*, vol. 1, no. 2,, pp. 264–284. *JSTOR*, www.jstor.org/stable/421388. Accessed 9 Nov. 2020.

Mohd. Shuhaimi bin Haji Ishak & Osman Chuah Abdullah. (2013). Islamic Education in Malaysia: A Study of History and Development, *Religious Education*, 108:3, 298-311, DOI: 10.1080/00344087.2013.783362

Muhammad Syukri Salleh. (2013) "Strategizing Islamic Education", *International Journal of Education and Research*, Vol. 1 No. 6 June 2013.

Noor Aziera Mohamad Rohana, Ezad Azraai Jamsari dan Adibah Sulaiman, 2011. Pendidikan Masyarakat Melayu Menurut Pemikiran Zaba. Prosiding Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011). UKM Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam

Abdul Razak Ahmad, "Bangsa Melayu, Krisis Ilmu Dan Revolusi Pendidikan Islam Sebagai Jalan Pencerahan" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 10 – 41

Olivier B. (2020) The Factors Driving Islamisation in Malaysia. In: Islamic Revivalism and Politics in Malaysia. Critical Studies of the Asia-Pacific. Palgrave Macmillan, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-15-0882-0_4.

Othman N., Mohamad K.A. (2016) Educational Reform and Islamic Education in Malaysia. In: Tiliouine H., Estes R. (eds) The State of Social Progress of Islamic Societies. International Handbooks of Quality-of-Life. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-319-24774-8_11

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di <https://www.moe.gov.my/en/dasarmenu/pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

PNorazmi Anas, Zakiah Samori, Md Yusof Hamid, Shahril Nizam Zulkipli, Mohd Syukri Mohd Noor (2019), "Rivate Tahfiz Institution Governance: A Proposed Transformation Via Social Entrepreneurship Model", Academy of Entrepreneurship Journal, Volume 25, Issue 1, 2019, 1-7

Rosnani Hashim, Saheed Ahmad Rufai and Mohd Roslan Mohd Nor, (2011). Traditional Islamic Education in Asia and Africa: A Comparative Study of Malaysia's Pondok, Indonesia's Pesantren and Nigeria's Traditional Madrasah; World Journal of Islamic History and Civilization, 1 (2): 94-107

Saad, N. and Busrowi, S. (2015) *Barriers to technology integration in Islamic education: An insight of excellent teachers*. In: International Conference on New

Abdul Razak Ahmad, "Bangsa Melayu, Krisis Ilmu Dan Revolusi Pendidikan Islam Sebagai Jalan Pencerahan" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 10 – 41

Directions in Multidisciplinary Research & Practice, 12-13 May 2015, Istanbul, Turkey.

Shamsul Amri Baharuddin (2005). "Making sense of the Plural-Religious Past and the Modern-Secular Present of the Islamic Malay World and Malaysia", *Asian Journal of Social Sciences*, 1 Jan, Vol 33(3), 449-472

Sharifah Sara Hasliza Syed Hamid, & Akhmetova, E. (2019). Islam and Politics in Malaysia: The Realisation of Islam as a State Religion in Sabah (Islam dan Politik di Malaysia: Realisasi Islam sebagai Agama Negeri di Sabah). *Journal of Islam in Asia* (E-ISSN 2289-8077), 16(2), 302-320.
<https://doi.org/10.31436/jia.v16i2.734>

Sharon Siddique (1981), "Some Aspects of Malay-Muslim Ethnicity in Peninsular Malaysia" *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 3, No. 1 (June 1981), pp. 76-87 (12 pages) Published By: ISEAS - Yusof Ishak Institute available
<https://www.jstor.org/stable/25797648>

Vedi R. Hadiz & Khoo Boo Teik. (2011). Approaching Islam and politics from political economy: a comparative study of Indonesia and Malaysia, *The Pacific Review*, 24:4, 463-485, DOI: 10.1080/09512748.2011.596561

Wahid, A., & Ramli, F. N. A. (2016). Dilema Za'ba: Perangai Orang Melayu Bergantung Kepada Diri Sendiri. *Jurnal Peradaban Melayu*, 11, 27-32. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/2339>

Abdul Razak Ahmad, "Bangsa Melayu, Krisis Ilmu Dan Revolusi Pendidikan Islam Sebagai Jalan Pencerahan" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 10 – 41

William C. Rivenbark & Willow S. Jacobson (2014) Three Principles of Competency-Based Learning: Mission, Mission, Mission, Journal of Public Affairs Education, 20:2, 181-192, DOI: 10.1080/15236803.2014.12001781

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1934-1973a). *Ilmu Mengarang Melayu: Edisi Ejaan Rumi Baharu dengan Pengenalan oleh Asmah Haji Omar (2002)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.